

# Pelajar Jepun kuasai bahasa Melayu



Pelajar TUFS menjalani sesi **mempelajari bahasa Melayu.**

**Kuala Terengganu:** Seramai 11 mahasiswa dari Jepun berkunjung ke Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) bagi meningkatkan penguasaan bahasa Melayu di samping mendalami budaya dan gaya hidup masyarakat negara ini.

Kehadiran delegasi pelajar Tokyo University of Foreign Studies (TUFS) itu disambut meriah di Lapangan Terbang Sultan Mahmud sebelum dibawa ke UniSZA, Kampus Gong Badak untuk sesi perkenalan dan penyerahan kepada enam keluarga angkat yang juga pensyarah Fakulti Bahasa dan Komunikasi.

Selain sesi mempelajari bahasa Melayu, peserta Kembara Ilmu TUFS-

UniSZA itu turut dibawa melawat pelbagai destinasi menarik sekitar Terengganu termasuk Muzium Negeri, Taman Tamadun Islam, Pasar Payang, Noor Arfa Batik dan Pulau Perhentian.

**Kerjasama dua hala**

Program yang dianjurkan dengan kerjasama Pusat Pelajar Antarabangsa itu menjadi pemangkin bagi kerjasama dua hala antara UniSZA dan universiti luar negara.

**FAKTA NOMBOR**

**11** pelajar

**Jepun berkunjung ke UniSZA** bagi meningkatkan penguasaan bahasa Melayu di samping mendalami budaya



Inisiatif itu sejajar visi universiti untuk melahirkan insan yang mempunyai peradaban serta kemahiran teknologi pengurusan menerusi kecemerlangan akademik dan mendekati masyarakat tempatan mahupun antarabangsa.



**Wajah ceria pelajar TUFS** ketika melawat sekitar Kuala Terengganu.